



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEMBANTU TEKNIK KANAN (C.2 EB.3)
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEMBANTU TEKNIK KANAN
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Alam Sekitar / Landskap, Taman dan Rekreasi atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.
 3. Berpengalaman dalam mereka bentuk dan menggunakan *software* yang diperlukan adalah kelebihan.
 4. Berpengetahuan dalam membuat pemeriksaan dan penilaian yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar, serta analisis jenis-jenis pencemaran alam sekitar.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI BAHAGIAN KAWALAN PENCEMARAN - 1 KEKOSONGAN.

1. Membantu Pegawai dalam mengendalikan dan menyelaraskan tugas-tugas yang berkaitan dengan penguatkuasaan, pemantauan, pengurusan, pelaksanaan dan pengawalan kes-kes, aduan-aduan dan projek-projek dan hal ehwal yang berhubung kait dengan alam sekitar;
2. Membantu Pegawai dalam melaksanakan penguatkuasaan akta dan peraturan yang berhubung kait dengan kebersihan, pencemaran, pengawalan dan pemeliharaan alam sekitar;
3. Mengendalikan pemantauan secara rondaan tidak kira waktu kerja yang diarahkan ke kawasan-kawasan, bangunan-bangunan, premis-premis, perusahaan kilang, industri yang mempunyai sumber atau masalah pencemaran alam sekitar (tanah, air, udara, bau dan bunyi) dan memberikan khidmat nasihat bagi menyelesaikan masalah tersebut;
4. Membuat laporan teknikal mengenai masalah-masalah atau aduan-aduan atau isu-isu yang berhubung kait dengan pencemaran alam sekitar (tanah, air, udara, bau dan bunyi).
5. Membantu Pegawai dalam mengendalikan, menyediakan dokumen-dokumen kontrak termasuk spesifikasi, lukisan teknikal, anggaran harga projek, *Bill of Quantities* dan sebagainya) sama ada secara tawaran atau sebut harga untuk projek-projek yang berhubung kait dengan alam sekitar;
6. Membantu Pegawai dalam memantau, mengawas dan memastikan projek-projek yang dilaksanakan berjalan dengan lancar dan efisien mengikut terma dan syarat kontrak, siap mengikut tempoh yang ditetapkan;
7. Membantu Pegawai dalam membuat laporan teknikal mengenai pelaksanaan dan perkembangan serta kemajuan projek-projek yang dijalankan di bawah pengendalian Jabatan;
8. Membantu Pegawai menyelaraskan bersama agensi-agensi berkepentingan dalam pengurusan dan hal ehwal yang berhubung kait dengan kebersihan dan pencemaran alam sekitar (tanah, air, udara, bau dan bunyi); dan
9. Mengendalikan dan melaksanakan arahan dan tugas-tugas yang diberikan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.



DI BAHAGIAN LANDSKAP - 1 KEKOSONGAN.

1. Bertanggungjawab dalam memantau kerja-kerja pemotongan dan mencantas pokok di jalan-jalan utama termasuk kawasan-kawasan *VIP* yang dikendalikan di bawah Jawatankuasa Majlis Keselamatan Jalan Raya (di kawasan Daerah Brunei Muara);
2. Membuat pemeriksaan tanaman lanskap, pokok lanskap, pokok-pokok tumbang yang memerlukan ketahanan mental dan fizikal seperti faktor-faktor keselamatan, perjumpaan dengan kontraktor-kontraktor dalam melaksanakan kerja-kerja serta merta dan perjumpaan dengan orang ramai;
3. Selaku *Focal Person* dalam hal ehwal pengurusan kenderaan BG di bawah kawalan Bahagian Lanskap. Bertanggungjawab dalam memantau, menyediakan dan memastikan kenderaan-kenderaan berkeadaan baik dan hendaklah membuat laporan kerosakan kenderaan di bawah kawalan Bahagian Lanskap dan mencari sebut harga ke bengkel-bengkel kenderaan untuk dihadapkan kepada Ketua Bahagian;
4. Mengawasi projek-projek yang dilaksanakan dari awal pelaksanaan sehingga projek siap mengikut arahan yang diberikan oleh pihak atasan bagi memastikan kerja-kerja dilaksanakan dengan lancar, teratur dan sempurna dalam masa yang ditetapkan;
5. Membuat rondaan dan pemeriksaan ke atas industri, bangunan-bangunan, premis-premis, perusahaan kilang yang mempunyai sumber atau boleh mendatangkan masalah pencemaran alam sekitar (tanah, air, udara bau dan bunyi);
6. Menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan ke atas aduan yang diterima daripada orang ramai khususnya aduan-aduan yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar, kerja-kerja pengawasan dan pemantauan pembuangan sampah yang dikendalikan oleh pihak kontraktor, pemantau secara rondaan ke kawasan-kawasan tersebut (Daerah Brunei dan Muara); dan
7. Pemeriksaan berseorangan yang mana diutamakan kakitangan lelaki yang boleh diarahkan bekerja pada waktu tersebut di atas dan tempat-tempat yang mencabar serta mendatangkan bahaya dan keselamatan diri sendiri.

DI BAHAGIAN TAMAN DAN REKREASI - 1 KEKOSONGAN.

1. Memastikan kerja-kerja pemeliharaan Taman dan Rekreasi (Daerah Brunei dan Muara) dan kemudahan-kemudahan awam di kawasan-kawasan di bawah kawalan Jabatan ini diselenggarakan dengan sempurna, indah dan terkawal dari segi keselamatan dan kebersihannya;



2. Membuat lawatan hasil kerja-kerja kontrak di kawasan-kawasan di bawah kawalan Bahagian Taman dan Rekreasi (Daerah Brunei dan Muara);
3. Mengatur, meneliti dan menguruskan keperluan kenderaan BG kerajaan serta pemandu di bawah kawalan Bahagian Taman dan Rekreasi. Bertanggungjawab dalam memantau, menyediakan dan memastikan kenderaan-kenderaan berkeadaan baik dan hendaklah membuat laporan kerosakan kenderaan di bawah kawalan Bahagian tersebut dan mencari sebut harga ke bengkel-bengkel kenderaan untuk dihadapkan kepada Ketua Bahagian;
4. Menyelaraskan tugas-tugas selaku Pengawal Keselamatan Taman dan Rekreasi di Pantai Serasa, Daerah Brunei dan Muara adalah tertakluk kepada taman dan rekreasi yang diarahkan oleh Ketua Bahagian;
5. Menilai dan mengurus keperluan kakitangan dan peralatan-peralatan lain yang digunakan dalam kerja-kerja pemeliharaan Taman dan Rekreasi;
6. Menyiapkan laporan bulanan bagi proses pembayaran yang dihadapkan pada minggu pertama setiap bulan;
7. Membantu menyediakan spesifikasi tawaran / sebut harga bagi pembelian perkakas pemeliharaan Taman dan Rekreasi;
8. Membuat penilaian dan sokongan bagi projek tawaran / sebut harga bagi tiap-tiap projek jangka pendek mahupun jangka panjang;
9. Memastikan data penyimpanan (keluar / masuk) barangan stor dengan teratur, betul dan terkawal; dan
10. Melaksanakan kerja-kerja yang diarahkan oleh Pegawai atasan pada bila-bila masa diperlukan.